

● KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
22 Januari 2018

Bank Muamalat Malaysia Berhad Dilantik Sebagai Ejen Amanah Saham Nasional Berhad

Kuala Lumpur, Isnin, 22 Januari 2018: Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah melantik **Bank Muamalat Malaysia Berhad** sebagai **Bank Islam Sepenuhnya** menjadi Ejen Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Dengan perlantikan ini Bank Muamalat sedia menawarkan jual dan beli unit saham amanah ASNB di semua 63 cawangan Bank Muamalat.

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid, Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dan **Y.Bhg. Tan Sri Abdul Wahid Omar, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB)** hadir ke majlis perasmian. Turut hadir **Y.Bhg Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad** dan **Y.Bhg. Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.**

Pengerusi Bank Muamalat, Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid berkata, "Sebagai Ejen ASNB, kesemua cawangan Bank Muamalat di seluruh Malaysia akan dijadikan wakil saluran perkhidmatan untuk pelanggan membuat transaksi seperti pembukaan Akaun, membeli dan menjual unit saham amanah dengan mudah."

"Menerusi kerjasama ini, kami komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kecekapan dalam pengurusan pentadbiran kewangan Bank Muamalat. Pada masa yang sama, memasarkan produk ASNB kepada pelanggan-pelanggan Bank dengan perkongsian ilmu pengurusan pelaburan saham amanah, di mana ia dapat memberi pulangan pelaburan yang baik melalui pemberian kadar dividen yang konsisten dan kompetitif oleh ASNB."

“Selain itu, kami berharap dapat menjalinkan lebih banyak usahasama dengan PNB pada masa akan datang dengan memanfaatkan kelebihan masing-masing,” katanya.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid dalam ucapan beliau berkata, “PNB mengalu-alukan pelantikan Bank Muamalat sebagai ejen terbaharu ASNB dan berharap usahasama strategik ini mampu memberi suatu nilai tambah kepada orang ramai mahupun pemegang akaun sedia ada, dengan penyediaan lebih banyak ejen yang memperluas edaran dan capaian produk, pertambahan akaun baharu dan menggalak lebih ramai pemegang unit mengemaskini profil mereka.”

Sejak dilancarkan sebagai ejen ASNB kepada orang ramai pada 15 Januari 2018, cawangan Bank Muamalat telah merekodkan transaksi sejumlah RM4.37 juta melibatkan 584 pelanggan dalam masa empat hari beroperasi, setakat 18 Januari 2018.

Dengan pelancaran skim pembiayaan ASB kelak, rekod transaksi jual dan beli unit saham amanah ASNB di cawangan-cawangan Bank Muamalat dijangka akan lebih meningkat.

Inisiatif ini diharap dapat memberikan suntikan baru dalam pendekatan perniagaan Bank dimana Bank Muamalat telah diterima untuk menjadi ahli “Global Alliance for Banking on Values” berasaskan perkhidmatan pengurusan keawangan untuk manfaat dan kebaikan ummah dan ia adalah selari dengan dasar sistem ekonomi Islam dimana menggalakkan umatnya berhemah didalam urusan kewangan.

-TAMAT-